



PELAJAR INTENSIVE ENGLISH PROGRAMME (IEP)  
KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG  
SELANGOR

No Rujukan : KPMB.700-1/1/8(1)  
Tarikh : 16 Disember 2021  
11 Jamadilakhir 1443H

Saudara / Saudari,

**MAKLUMAN PENDAFTARAN DAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
PELAJAR BAHARU PROGRAM INTENSIF BAHASA INGGERIS (IEP) KOLEJ PROFESIONAL  
MARA (KPM) SESI 5/2021 PENGAMBILAN DISEMBER**

Perkara di atas dan Mesyuarat Khas JK Rayuan & Pengambilan Pelajar (JRP) Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) bertarikh 10 Disember 2021 adalah dengan hormatnya dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan BPT telah memutuskan bahawa pendaftaran dan pelaksanaan PdP pelajar baharu program Intensif Bahasa Inggeris (IEP) Kolej Profesional MARA (KPM) sesi 5/2021 pengambilan Disember di KPM adalah seperti ketetapan berikut:

PERKARA	TARIKH
a. Semakan keputusan permohonan rayuan, bayaran yuran & pengesahan setuju terima tawaran (UPIMOnline)	01 hingga 18 Disember 2021
b. Pendaftaran Dalam Talian	11 hingga 19 Disember 2021
c. Laporan Diri	19 Disember 2021
d. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	20 Disember 2021

3. Sehubungan dengan itu pendaftaran bagi pelajar Intensive English Programme (IEP) sesi 5 2021 pengambilan Disember KPM Beranang adalah seperti berikut:

TARIKH	MASA
19 Disember 2021 (Ahad)	8.30 pagi - 1.00 tengahari

4. Pelajar perlu mengemukakan Borang Kebenaran Ibu/Bapa/Penjaga pelaksanaan Ujian Saringan Kendiri Covid-19 serta Borang Deklarasi Kesihatan serta melaksanakan Kit Ujian Kendiri Covid-19 sehari sebelum melapor diri di kolej atau melaksanakan ujian calitan di fasiliti kesihatan dan memaklumkan hasil keputusan Ujian Kendiri Covid-19 kepada pihak kolej semasa melapor diri pada hari pendaftaran.

5. Pelajar perlu menjalani 7 hari kuarantin di asrama bermula 19 Disember 2021 untuk tujuan pemantauan tahap kesihatan pelajar sebelum sesi pengajian secara bersemuka bermula.
6. Medium pembelajaran pelajar program IEP pada minggu pertama (20-24 Disember 2021) adalah secara dalam talian dan akan mengikuti pembelajaran secara hibrid bermula 27 Disember 2021.

Sekian, untuk makluman.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDDIN BIN MISRAN@MISBAN  
Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik  
Kolej Profesional MARA  
Beranang